



PNB mencapai kemajuan besar dalam tiga bidang utama di bawah kepemimpinan Dr Zeti.

TERIMA KASIH ZETI

Seluruh warga PNB ucap penghargaan pada pengerusi kumpulan

Kuala Lumpur

Permodalan Nasional Bhd (PNB) mengumumkan Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz secara rasmi menulis surat kepada Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) bagi menyatakan hasrat tidak memperbaharui tempoh jawatan sebagai pengerusi kumpulan selepas menamatkan penggal tiga tahunnya hari ini (30 April 2021).

Zeti berkata, kesempatan berkhidmat sebagai pengerusi kumpulan PNB selama tiga tahun adalah satu penghormatan buatnya dengan PNB melaksanakan agenda transformasi organisasi dalam tempoh yang mungkin paling mencabar dan transformatif pernah dialami.

"Hari ini, agenda transformasi ini mendorong potensi peningkatan prestasi



DR Zeti

dan inovasi yang lebih besar, serta kecekapan yang lebih tinggi.

"PNB kini berada dalam kedudukan teguh untuk melakukan yang lebih baik lagi pada masa depan dan meraih penciptaan nilai jangka panjang yang disasarkan demi pemegang unit kami," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan PNB, semalam.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan, Ahmad Zulqarnain

Onn berkata, bagi pihak lembaga pengarah, pasukan kepemimpinan dan seluruh warga kerja PNB, beliau mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Zeti atas kepemimpinan berwasan dan sumbangan yang tidak ternilainya kepada PNB, Amanah Saham Nasional Bhd dan syarikat kumpulan PNB sepanjang tiga tahun itu.

"Beliau membawa bersamanya hampir empat dekad pengalaman dalam perkhidmatan awam dan pengukuhan institusi yang memberi banyak manfaat kepada PNB," katanya.

Menurut PNB, pelantikan pengerusi kumpulan yang baharu akan diputuskan oleh YPB dalam masa terdekat.

Katanya, sejak pelantikan pada 2018, Zeti memacu perjalanan transformasi PNB yang menyaksikan institusi ini mencapai kema-

juan besar dalam tiga bidang utama.

Pertama, usaha kepelbagaian ke dalam kelas aset dan pasaran global yang lebih luas mendorong pendedahan PNB dalam aset antarabangsa meningkat kepada 12.3 peratus pada akhir tahun lalu, sekali gus mengukuhkan portfolio pelaburannya daripada hanya tertumpu dalam ekuiti domestik.

"Kedua, PNB berjaya mengukuhkan keupayaan pengurusan risiko dan kecairannya dengan fokus menurunkan peratusan pegangan tunai yang tinggi hasil daripada pengurusan pendedahan risiko pertukaran asing yang lebih besar.

"Akhir sekali, PNB memulakan transformasi organisasi di seluruh kumpulan yang menghasilkan inovasi digital, kecekapan operasi dan pengembangan bakat menerusi pelbagai inisiatif," katanya.